

Jangan utama perspektif parti sendiri — Mahathir

MM 26 SEP 1982

KUALA LUMPUR, 25 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya jangan cuma mementingkan perspektif parti sendiri sahaja, tanpa membuat perhitungan dalam konteks Barisan Nasional keseluruhannya.

Perdana Menteri yang berucap merasmikan persidangan perwakilan tahunan Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini hari ini, berkata kekuatan Barisan Nasional terletak kepada penerimaan parti-parti komponen terhadap pentingnya kedua-dua perspektif tersebut.

Beliau mengingatkan bahawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu adalah hasil sumbangan semua parti komponen.

“Oleh itu kedua-dua perspektif — perspektif parti dan perspektif keseluruhan Barisan Nasional — adalah amat penting bagi menjaga keutuhan kita”, tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata langkah mementingkan perspektif sesuatu parti sahaja akan menjejaskan persefahaman dan ketertiban perjalanan Barisan Nasional sebagai sebuah gabungan parti-parti politik yang mendokong kerajaan.

Beliau juga mengingatkan bahawa rakyat Malaysia tidak harus merasa curiga dengan kecaman yang dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Perdana Menteri ber-

pinak yang mengangkat diri mereka sebagai “pentasir demokrasi”.

Menurut Perdana Menteri, sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini adalah unik khusus bagi negara ini, demikian juga sistem demokrasi di negara-negara liberal yang lain, tiap-tiap satu adalah unik bagi sesuatu negara tertentu.

“Tidak ada sesiapa yang boleh berkata bahawa cuma sistem yang diamalkan oleh mereka sahaja yang demokratik.

“Sebenarnya demokrasi liberal ala Barat adalah tidak demokratik kerana ‘golongan majoriti yang tidak bersuara’ diindas oleh ‘golongan minoriti yang aktif’ di dalam sistem ini”, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, persepsi Malaysia terhadap demokrasi berdasarkan kepercayaan bahawa tidak ada dua buah negara yang sama dalam segala-galanya, sama ada dari segi tahap kemajuannya, struktur kependudukan, masalah hinggakan kepada cara-cara untuk

mengatasi masalah itu sendiri.

Katanya: “Jika sebahagian besar rakyat menerima anjuran demokrasi tanpa sempadan, sistem yang akan wujud bukan lagi demokrasi tetapi adalah satu bentuk cengkaman yang akan melenyapkan semua kebebasan.

“Tapi kita bernasib baik kerana sebahagian besar dari rakyat di negara ini sedar betapa pentingnya sistem demokrasi kita bagi keperluan negara”, katanya.

kata seperti juga negara-negara liberal yang lain, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi unik yang mempunyai sempadan-sempadan tertentu.

Tegasnya: “Demokrasi tanpa sempadan sebenarnya bukan merupakan satu amalan demokrasi yang dapat berbuat sesuatu yang berfaedah malah ia lebih merupakan satu amalan yang mempunyai ciri-ciri anarki dan keadaan yang huru-hara”.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia tidak gentar dengan kecaman-kecaman yang dilakukan oleh setengah-setengah